

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 26 MEI 2016
SOALAN :

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan tertentu untuk membina Klinik Kesihatan Jenis KK2 atau KK3 serta pembinaan kuarters kediaman warga Kementerian Kesihatan di bahagian Bintulu, Sarawak memandangkan ketiadaan tempat tinggal yang mana keadaan amat terdesak dalam masa terdekat ini.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan masalah kesesakan yang dihadapi di Klinik Kesihatan Bintulu sedia ada.

Sehubungan itu, KKM telah mengemukakan cadangan untuk membina sebuah lagi klinik kesihatan di Kidurong, Bintulu di dalam Rolling Plan 2 RMKe-11. Skop projek melibatkan Pembangunan Klinik Kesihatan Jenis 3 termasuk pembinaan kuarters kediaman kakitangan terutamanya bagi kakitangan yang menjalankan tugas atas panggilan (on-call). Cadangan ini sedang menunggu kelulusan dari pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE).